

Tel. No. 088 - 222337/222336/
222031/218201

Fax. No. 088 - 222557



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH
Tingkat 3, 4 dan 5, Menara SDB
Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens
Km. 2,4, Jalan Tuaran
88646 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Rujukan : JPBW:99/63 Jld.35/(53)
Tarikh : 11 September 2013

Mayor
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
No. 1, Jalan Bandaran
88675 KOTA KINABALU

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan
Peti Surat 221
90702 SANDAKAN

Presiden
Majlis Perbandaran Tawau
Peti Surat No. 412
91007 TAWAU

Pesuruhjaya
Lembaga Bandaran Kudat
Peti Surat No. 201
89058 KUDAT

Semua Pengerusi
Majlis-Majlis Daerah
NEGERI SABAH

Semua Pegawai Eksekutif
Lembaga Bandaran Kudat dan
Majlis-Majlis Daerah
NEGERI SABAH

Ybhg. Datuk/Tuan/Puan,

PEKELILING LPPBD BIL. 1/2013:

Cadangan Untuk Memberi Kebenaran Kepada Semua Pihak Berkuasa Tempatan Untuk Meluluskan Perkara-Perkara Berikut Tanpa Merujuk Kepada Lembaga Pusat:-

- A. Pelan Pembangunan Untuk Rumah Sebuah Dalam Satu Lot Tersendiri**
- B. Pelan Pembahagian Tanah Simple Subdivision Yang Tidak Melibatkan Penukaran Kegunaan Tanah**

Perkara-perkara di atas dirujuk dengan hormatnya.

2/.....

JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH

Rujukan : JPBW:99/63 Jld.35/(53)
Tarikh : 11 September 2013

(2)

2. Sila maklum bahawa cadangan di atas telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa di dalam Mesyuarat Lembaga Pusat No.12/2013 pada 6 September 2013.

3. Ketetapan ini adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada PBT untuk mempertimbangkan dan meluluskan kedua-dua perkara di atas tanpa mengemukakan pelan berkenaan kepada Lembaga Pusat. Ini akan mengurangkan beban Lembaga Pusat disamping mempercepatkan kelulusan pelan-pelan berkenaan.

4. Prosedur pemprosesan pelan-pelan berkenaan di peringkat PBT tidak berubah di mana pelan berkenaan hendaklah diedarkan untuk ulasan penasihat-penaihat teknikal dan di pertimbangkan di dalam Mesyuarat JK Perancang Bandar dan Pelan Bangunan. Minit Jawatankuasa ini hendaklah diluluskan oleh Majlis Penuh sebelum kelulusan dikeluarkan.

5. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:-

A. Pelan Pembangunan Rumah Sebuah

- a) Cadangan melibatkan pembinaan rumah sebuah dalam satu lot tersendiri dan tidak melibatkan pembahagian tanah;
- b) Rekabentuk bangunan rumah sebuah jelas menunjukkan bahawa ianya satu unit;
- c) Kegunaan rumah sebuah dibenarkan dalam zon tapak;
- d) Mematuhi semua piawai yang berkaitan; dan
- e) Pelan dikemukakan oleh pihak bertaualiah.

B. Pembahagian tanah simple subdivision

- a) Pelan pembahagian tidak melibatkan penukaran kegunaan tanah atau pembangunan dalam lot baru;
- b) Mematuhi peraturan zon dan piawai yang berkaitan
- c) Pelan dikemukakan oleh pihak bertaualiah

6. Ketetapan ini adalah berkuatkuasa dengan serta merta daripada tarikh surat pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH ***
1 MALAYSIA : RAKYAT DI DAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN

(MURSIDI HAJI SAPIE)

Setiausaha

Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah,

KOTA KINABALU

3/.....

JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH

Rujukan : JPBW:99/63 Jld.35/(53)
Tarikh : 11 September 2013

(3)

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri (untuk makluman)
Jabatan Ketua Menteri
Kota Kianbalu

Pengerusi (untuk makluman)
Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
Wisma Tun Fuad Stephens
KOTA KINABALU

Semua Ahli Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa, Sabah (untuk makluman)

MHS/PF

JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH